

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Thursday, October 3, 2019 9:56 AM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Malam Nostalgia Alumni UUM Chapter Perlis Eratkan Silaturahmi



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

3 OKTOBER 2019 / 4 SAFAR 1441H
=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Siti Fatimah Abdullah
Gambar oleh: Pusat Alumni

MALAM NOSTALGIA ALUMNI UUM CHAPTER PERLIS ERATKAN SILATURAHIM



UUM ONLINE: Pertemuan Alumni UUM dapat menjalin silaturahmi, mengimbas nostalgia dan mengekalkan keakraban dengan UUM dalam suasana santai pada Malam Nostalgia Alumni UUM Chapter Perlis, baru-baru ini.

Berucap merasmikan majlis, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Prof. Madya Dr. Hendrik Lamsali berkata, keakraban tidak terhad kepada program seumpama ini bahkan merangkumi pelbagai inisiatif berimpak tinggi serta memberi nilai tambah kepada sumbang bakti Alumni kepada seluruh anggota masyarakat.

“Perkara sebegini hanya mampu direalisasikan jika adanya hubungan yang baik serta harmoni antara Pentadbir Universiti, alumni, pelajar, staf, pesara dengan masyarakat,” ucapnya dalam program anjuran Persatuan Alumni UUM dengan kerjasama Pusat Alumni UUM di Putra Regency Hotel, Kangar.

Beliau turut merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Dr. Mohd Azlan Yahya, Presiden Persatuan Alumni UUM (PAUUM), Dr. Muslimin Wallang, Pengarah Pusat Alumni UUM dan Nardin Bakar, Pengerusi Alumni UUM Chapter Perlis.

“Sejarah panjang telah dilalui oleh PAUUM yang kini berusia 27 tahun, saya percaya bahawa PAUUM telah mencapai satu tahap kematangan dan program ini merupakan satu usaha berkesan bagi menghimpun Alumni UUM Chapter Perlis merentasi pelbagai generasi, agama dan budaya.

“Saya percaya bahawa setiap generasi Alumni masing-masing mempunyai kenangan serta kejayaan unik dan tersendiri, khasnya semasa dan selepas meninggalkan kampus, kejayaan Alumni UUM akan berterusan dan tidak terhenti di sini,” ujarinya.

Jelasnya, Alumni UUM yang telah berjaya dalam bidang dan kerjaya masing-masing perlu digemblengkan secara konsisten untuk kembali berbakti kepada Biru Warna dalam apa jua bentuk agar kita dapat menikmati manfaatnya.

“Saya ingin melihat PAUUM menjadi rakan strategik yang terbaik di antara Alumni Universiti Awam (UA), perkembangan ini membolehkan UUM dan PAUUM menjalin hubungan yang lebih erat khususnya dalam konteks pembangunan modal insan.

“Dengan sinergi yang sentiasa berterusan antara kedua-dua pihak, saya amat yakin bahawa lebih banyak lagi inisiatif kerjasama yang dapat dirintis dan diterokai,” tambahnya.

Jelasnya, pelancaran Alumni UUM Chapter Perlis adalah menjadi kayu pengukur kepada impian dan harapan tersebut.

“Saya percaya bukanlah suatu perkara yang sukar kepada PAUUM kerana Presiden PAUUM merupakan Naib Presiden ANGKASA sudah tentunya mempunyai visi dan misi yang tersendiri,” katanya.



Please consider the environment before printing this e-mail



AACSB
ACCREDITED



ASSOCIATION
AMBA
ACCREDITED



IQA
International
Quality
Accreditation



STARS
RATED FOR EXCELLENCE
5



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM

and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.